

Sistem bombon: fungsionalisme struktural terhadap masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan amalan sistem bombon yang menjadi tradisi masyarakat Kadazandusun. Sistem bombon merupakan satu kaedah pemuliharaan ikan air tawar yang dilaksanakan sejak zaman nenek moyang masyarakat tersebut. Melalui amalan ini, masyarakat Kadazandusun dapat melestarikan alam sekitar seterusnya dapat memastikan mereka mendapat sumber ikan secara berterusan. Tradisi bombon bertitik tolak daripada kepercayaan tradisional dan hukum adat masyarakat Kadazandusun. Sistem bombon memperlihatkan kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun terhadap alam sekitar dan hubungan sesama manusia. Permasalahan kajian ini adalah berkaitan dengan fungsionalisme struktural sistem bombon terhadap kehidupan masyarakat Kadazandusun. Objektif kajian ini adalah untuk melihat fungsi dan peranan amalan sistem bombon dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian lapangan. Teknik yang digunakan ialah temu bual, pemerhatian ikut serta dan penelitian dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa sistem bombon dan masyarakat Kadazandusun berfungsi dan menyokong kelangsungan hidup masing-masing. Amalan sistem bombon menjadi keperluan estetik fungsional bagi komuniti.